

PERATURAN BERPAKAIAN DAN SAHSIAH RUPADIRI PELAJAR UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

1.0 PERATURAN AM

- i) Pelajar mestilah berpakaian kemas, bersih, sopan dan sesuai dengan amalan masyarakat Malaysia.
- ii) Semua pelajar dikehendaki mempamerkan dengan jelas Kad Matrik Pelajar semasa berada di dalam kawasan kampus kecuali semasa menghadiri atau menjalani aktiviti sukan.
- iii) Pelajar tidak dibenarkan memakai pakaian atau aksesori yang melambangkan mana-mana pertubuhan luar atau kumpulan tertentu kecuali dalam keadaan tertentu dengan kebenaran Universiti.
- iv) Pakaian pelajar mestilah tidak melambangkan mana-mana simbol atau tulisan yang berbentuk provokatif atau menunjukkan sebarang sokongan, bantahan atau simpati kepada mana-mana parti politik, berimej lucah dan melanggar peraturan yang ditetapkan Universiti.
- v) Pakaian kebangsaan boleh dipakai dengan syarat ia tidak melanggar peraturan universiti.
- vi) Pelajar lelaki tidak boleh berpakaian menyerupai pelajar perempuan dan pelajar perempuan tidak dibenarkan berpakaian menyerupai pelajar lelaki.

2.0 PERATURAN BERPAKAIAN SEMASA MENGHADIRI KULIAH

- i) Pemakaian jeans adalah tidak dibenarkan semasa menghadiri kuliah dan berurusan rasmi di Universiti. kecuali semasa menghadiri aktiviti tidak formal dan aktiviti fizikal seperti sukan atau rekreasi, dengan syarat ia tidak ketat, lusuh, koyak-koyak, bertampal-tampal, dan bercorak yang beraneka warna.

3.0 PERATURAN BERPAKAIAN SEMASA MENGHADIRI MAJLIS RASMI UNIVERSITI

- i) Semasa menghadiri majlis rasmi Universiti, pelajar dikehendaki berpakaian kemas dan sopan mengikut etika pakaian yang ditetapkan oleh penganjur dan tidak melanggar peraturan Universiti

4.0 PERATURAN BERPAKAIAN SEMASA MENGHADIRI MAKMAL

- i) Semasa menjalankan aktiviti MAKMAL, SUKAN dan KEBUDAYAAN, pelajar hendaklah mematuhi etika pakaian dan peraturan yang dikuatkuasakan.

5.0 PERATURAN BERPAKAIAN KHUSUS UNTUK PELAJAR LELAKI DAN PEREMPUAN

5.1 PELAJAR LELAKI

- i) Memakai baju kemeja / kemeja T berkolar. Kecuali "bush jackets" baju melayu yang berbutang, baju batik dan lain-lain baju kebangsaan, kemeja / kemeja T berkolar hendaklah dimasukkan ke dalam seluar dan pelajar hendaklah bertali pinggang dan berkasut.
- ii) Pelajar dilarang sama sekali memakai baju tanpa lengan.
- iii) Diwajibkan berkemeja dan memakai tali leher pada setiap hari Isnin. Bagi pelajar yang terlibat dengan makmal etika berpakaian adalah tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan oleh makmal.
- iv) Pelajar digalakkan memakai pakaian ko-kurikulum/beruniform/korporat pada setiap hari Rabu. Pelajar yang terlibat dengan ko-kurikulum dan beruniform adalah tertaluk kepada arahan yang ditetapkan oleh persatuan / pasukan berkenaan.

- v) Pelajar lelaki digalakkan memakai baju kebangsaan pada setiap hari Jumaat. Bagi pelajar yang terlibat dengan makmal etika berpakaian adalah tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan oleh makmal.
- vi) Pelajar hendaklah memakai kasut yang bertutup dan berstokin. Selipar dan sandal tidak dibenarkan semasa menghadiri kuliah dan berurusan rasmi di Universiti.
- vii) Pelajar tidak dibenarkan memakai topi atau bandana semasa berurusan rasmi dengan pihak Universiti kecuali semasa aktiviti riadah.
- viii) Pemakaian gelang, rantai, anting-anting atau apa-apa aksesori perhiasan diri adalah tidak dibenarkan sama sekali kecuali untuk tujuan perubatan, agama dan tradisi.
- ix) Pelajar dilarang membuat atau mempamerkan tatoo dimana-mana bahagian anggota badan.
- x) Pelajar lelaki dilarang menyimpan rambut panjang (mencecah kolar baju, menutup telinga dan mencecah kening), terlalu tebal, berekor, berwarna dan berfesyen rambut yang tidak kemas.
- xi) Jambang dan janggut hendaklah dijaga dengan kemas dan rapi.

5.2 PELAJAR PEREMPUAN

- i) Pelajar diwajibkan memakai baju kurung pada setiap hari Isnin dan Jumaat. Untuk pelajar yang bukan beragama Islam, bolehlah memakai pakaian yang sopan. Bagi pelajar yang terlibat dengan makmal etika berpakaian adalah tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan oleh makmal.
- ii) Pelajar digalakkan memakai pakaian ko-kurikulum/beruniform/korporat pada setiap hari Rabu. Pelajar yang terlibat dengan ko-kurikulum dan beruniform adalah tertakluk kepada arahan yang ditetapkan oleh persatuan / pasukan berkenaan.

- iii) Pemakaian kain atau skirt hendaklah melepasi buku lali. Pemakaian skirt mini, skirt yang berbelah dan ketat adalah dilarang sama sekali.
- iv) Pelajar tidak dibenarkan memakai seluar yang ketat, singkat dan hendaklah panjang sehingga melepasi buku lali.
- v) Pelajar tidak dibenarkan memakai pakaian yang menutup muka (purdah).
- vi) Pelajar tidak dibenarkan mewarnakan rambut.
- vii) Pelajar hendaklah memakai kasut yang bertutup. Selipar dan sandal tidak dibenarkan semasa menghadiri kuliah dan berurusan rasmi di Universiti.
- viii) Pelajar tidak dibenarkan menindik lebih dari satu tindikan di telinga.
- ix) Pelajar tidak dibenarkan mewarna kuku.

6.0 PENGUATKUASAAN

Semua staf universiti adalah pihak penguatkuasa peraturan termasuk :

- Staf Akademik
- Staf Pentadbiran
- Staf Kolej Kediaman
- Staf Keselamatan

7.0 TINDAKAN TERHADAP PELAJAR YANG MELAKUKAN PERLANGGARAN PERATURAN

- i) Dilarang daripada memasuki kelas / makmal / pejabat.

- ii) Dikenakan denda sehingga RM 10.00.
- iii) Kesalahan akan direkodkan dalam fail peribadi di Sistem Maklumat Pelajar

Nota :

Tatacara berpakaian selain daripada yang dinyatakan di atas adalah dengan kebenaran khas dari Naib Canselor.